

14/3/2018

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **PEMBAIKAN JALAN CERUN BUKIT: JALAN MENGHALA EMPANGAN AIR ITAM DAN JALAN SEKITAR EMPANGAN AKAN TERUS DITUTUP SELAMA 8 BULAN.**

- **Kerja pembaikan cerun utama yang diperlukan di 7 tapak tanah runtuh. Longkang pada jalan dan tepi jalan turut mengalami kerosakan.**
- **Penutupan 8 bulan diperlukan untuk mereka bentuk , proses tender terbuka dan kerja-kerja pembaikan.**

PULAU PINANG, Rabu (14/3/2018): Jalan menghalak ke Empangan Air Itam dan jalan sekitar empangan akan terus ditutup kepada orang awam selama 8 bulan untuk membolehkan pembaikan cerun bukit dan kerja-kerja pembaikan semula jalan dilaksanakan.

Laluan ini tidak selamat kerana 7 kejadian tanah runtuh di kawasan cerun bukit. Parit-parit jalan dan tepi jalan turut rosak. Kerosakan ini berikutan rebut ganas yang berlaku pada 5/11/2017.

Penyelesaian kejuruteraan komprehensif yang akan menelan kos berjuta-juta ringgit mesti dilaksanakan bagi membolehkan laluan itu selamat semula.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan memulakan proses tender terbuka untuk menjalankan kerja pembaikan dan rektifikasi, sejajar dengan dasar tender terbuka Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Proses-proses ini termasuk:

1. Pelantikan seorang perunding kejuruteraan yang berkelayakan.
2. Kerja kaji selidik tapak.
3. Ujian tanah.



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

4. Reka bentuk pembetulan cerun yang sesuai mengikut kaji selidik tapak dan ujian tanah; dan spesifikasi kerja untuk proses tender terbuka.
5. Menyediakan dokumen tender terbuka.
6. Memproses tender terbuka (termasuk letakan iklan, lawatan tapak untuk kontraktor, penyerahan tender, penilaian tender, kelulusan tender dan pelantikan kontraktor yang sesuai).
7. Kerja pembaikan cerun bukit yang sebenar dan kerja-kerja pengalihan semula jalan/tepi jalan di semua lokasi yang dikenal pasti oleh kontraktor yang dilantik.

Masa yang diunjurkan untuk pelaksanaan proses yang disebutkan di atas adalah lebih kurang 8 bulan.

#### KESELAMATAN AWAM ADALAH PRIORITI UTAMA

Walaupun PBAPP memahami bahawa Empangan Air Itam adalah tempat rekreasi awam yang popular dan penting di Pulau Pinang, keselamatan awam tetap menjadi keutamaan.

Jalan menuju ke Empangan Air Itam dan jalan sekitar empangan mesti ditutup sehingga semua kawasan yang rosak diperbaiki dan dibaikpulih dengan betul.

Dalam pada itu, anggota polis bantuan PBAPP akan terus menghadkan akses. Aturan khas telah dibuat untuk membolehkan kakitangan yang diberi kuasa (dari PBAPP, TNB dan Telekom Malaysia) dan penduduk menggunakan jalan.

PBAPP mempunyai hak untuk menutup sepenuhnya jalan ketika berlaku insiden ribut atau hujan lebat.

PBAPP memohon maaf di atas semua kesulitan yang dihadapi. Dalam kes ini, keselamatan awam adalah menjadi keutamaan.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif  
PBAPP dan PBA Holdings Bhd (PBAHB).



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)